

Pengabaian dan penderaan kanak-kanak

» Kesibukan ibu bapa, struktur keluarga,
kesihatan mental antara sebab ia berlaku



Penderaan dan pengabaian adalah perkataan yang sering digunakan silih berganti. Istilah ini sebenarnya mewakili dua jenis penganiayaan yang berbeza. Penderaan berlaku apabila seseorang bertindak terhadap kanak-kanak (contohnya, penderaan fizikal) manakala pengabaian berlaku, apabila seseorang gagal bertindak untuk kanak-kanak (contohnya, meninggalkan kanak-kanak di rumah tanpa jagaan).

Mentakrifkan penderaan emosi dan pengabaian adalah rumit dan tidak tepat, kebanyakan ahli profesional bersetuju sikap negatif atau tindakan sekali-sekala oleh ibu bapa tidak akan memberikan kesan berbahaya atau kekal kepada kanak-kanak.

Oleh yang demikian, penderaan emosi dan pengabaian adalah berdasarkan corak yang berterusan serta kronik.

Terdapat banyak sebab mengapa pengabaian emosi boleh berlaku. Antaranya ialah:

Ibu bapa yang sibuk

Ibu bapa yang bekerja sering tidak mempunyai masa untuk anak termasuk bercakap atau bermain dengan mereka. Sesetengah ibu bapa mungkin berasa dibebani dengan kerja atau tekanan sehingga mereka mula mengabaikan anak secara emosi.

Sesetengah ibu bapa mungkin akan mengasingkan diri mereka daripada anak atau tidak mampu berinteraksi dengan mereka. Adalah penting untuk menca-

ri keseimbangan antara kerja dengan kehidupan keluarga bagi mengelakkan anak terabai.

Struktur keluarga

Jika ibu atau bapa tunggal, mereka mungkin akan mendapati ia adalah satu kesukaran untuk berhubung dengan anak secara emosi kerana sibuk di tempat kerja.

Pada masa yang sama, ibu bapa dengan keluarga yang besar (katakan anda mempunyai tujuh anak) mungkin akan berasa sukar untuk berhubung secara emosi dengan setiap seorang daripada anak.

Isu kesihatan mental

Isu kesihatan mental boleh menjejaskan cara ibu bapa menjaga atau bertindak balas terhadap keperluan anak. Mereka mungkin tidak dapat berinteraksi dengan anak, sekali gus mengabaikan keperluan emosi mereka.

Sesetengah ibu bapa yang menjalani kehidupan yang tidak teratur boleh menyebabkan rumah tangga menjadi huru-hara. Ini boleh menjejaskan emosi anak dalam jangka masa panjang.

Sejarah diri ibu bapa

Ibu bapa yang pernah mengalami pengabaian emosi ketika kanak-kanak, cenderung untuk kurang berempati dan lebih mudah mengabaikan emosi anak mereka sendiri. Mereka tidak boleh memberi tindak balas kepada anak atau tidak dapat mewujudkan hubungan yang bermakna dengan mereka.

Kekurangan kasih sayang dan keakraban semasa zaman kanak-kanak boleh membuatkan, mereka tidak mampu atau tidak mahu memberikan perhatian serta kasih sayang yang mencukupi untuk anak mereka.



Jangkaan yang tidak bersesuaian terhadap anak mereka

Sesetengah ibu bapa mengharapkan anak berkelakuan dalam cara yang tertentu atau memenuhi piawaian tertentu (sama ada dalam tingkah laku atau di sekolah). Apabila anak tidak mencapai 'piawaian' itu, mereka akan disisihkan secara emosi.

Pengalaman emosi
boleh memberi

kesan yang mendalam kepada perkembangan mental dan tingkah laku anak, justeru, adalah penting untuk mengenal pasti gejala pengabaian emosi ini supaya anak membesar dan menjadi individu yang sihat serta gembira.



**Penulis adalah Timbalan
Ketua Pengarah (Dasar),**

Lembaga Penduduk
dan Pembangunan
Keluarga Negara
(Pengasuhan Positif)

4 8/12/14

MS 12/13






INFO

Tanda-tanda dan gejala PENGABAIAAN EMOSI

Tanda-tanda dan gejala-gejala pengabaian emosi sering dapat dilihat dalam permasalahan atau corak tingkah laku sosial yang bermasalah. Antaranya adalah seperti berikut:

- ▶ Kegelisahan atau kemurungan.
- ▶ Tingkah laku yang memberontak seperti:
 - mencetuskan rasa marah.
 - serangan fizikal.
 - penggunaan dadah/alkohol.
 - selalu menipu.
 - memusnahkan harta benda.
- ▶ Ketakutan/fobia yang berlebihan.
- ▶ Kurang menjaga kebersihan diri.
- ▶ Makan berlebihan/tabi'at/corak makan yang tidak normal.
- ▶ Mencuri atau menyorokkan makanan.
- ▶ Kurang kawalan diri.
- ▶ Enggan mengikut peraturan.
- ▶ Kencing atau buang air besar dengan tidak sengaja.
- ▶ Mengambil risiko yang terlampau.
- ▶ Melarikan diri.
- ▶ Kurang hubungan mata.
- ▶ Tidak balas mengejut yang berlebihan.
- ▶ Mengigau.
- ▶ Kecenderungan atau terfikir untuk membunuh diri.



Kurang penjagaan asas cetus pelbagai masalah

Seorang bayi yang kekurangan penjagaan asas dari segi emosi boleh membentuk rasa diri yang lemah, walaupun mereka dijaga dengan baik secara fizikal. Anak boleh membesar menjadi seorang kanak-kanak yang gelisah dan berasa tidak yakin dengan harga diri yang rendah.

Lazimnya, kanak-kanak yang mengalami pengabaian emosi akan membesar dengan memikir, mereka tidak layak atau serba kekurangan. Akhirnya, anak akan menghadapi kesukaran dalam berkawan atau mematuhi peraturan sekolah.

Anak juga boleh mengalami

kelambatan dari segi percakapan dan kemahiran bahasa, manakala pencapaian akademik mereka mungkin lebih lemah berbanding dengan rakannya yang gembira.

Senario hari ini memperlihatkan, kanak-kanak yang berasakan emosi mereka diabaikan di rumah akan beralih kepada rangkaian laman sosial (seperti Facebook, Instagram atau Twiter) untuk mendapatkan perhatian dan interaksi sosial yang diidamkan.

Ini membahayakan kerana mendedahkan mereka kepada pembuli siber, malah terdapat

banyak kanak-kanak menjadi mangsa dalam dunia siber.

Hubung secara emosi

Oleh yang demikian adalah penting untuk berhubung dengan anak anda secara emosi. Banyak perkara boleh dilakukan antaranya

Beri tumpuan kepada anak

Dengar apa yang diperkatakan mereka apabila mereka bercakap dengannya. Pastikan sepenuh perhatian diberikan kepada mereka. Sekiranya sibuk, ambil sedikit masa untuk menjelaskan mengapa

tidak boleh memberi sepenuh perhatian pada masa itu kepada mereka.

Asuh anak bersama-sama

Menjaga anak adalah tanggungjawab bersama. Jika pasangan tidak menjalankan tugas sebagai ibu atau bapa, bercakap dan berbincanglah mengenai bagaimana anda boleh bekerjasama sebagai satu pasukan untuk membina keluarga seimbang dan emosi yang stabil.

Jangan takut meminta maaf

Ada kalanya, ibu bapa mungkin melakukan atau mengatakan

sesuatu yang menyakitkan perasaan anak. Apabila ini terjadi, lakukan perkara yang betul dengan meminta maaf daripada mereka. Ini akan mengajar mereka untuk bertanggungjawab atas kesilapannya.

Bersikap realistik dalam jangkaan


Mempunyai jangkaan realistik terhadap apa yang anak boleh atau tidak boleh kendalikan, akan membantu ibu bapa menentukan berapa banyak penjagaan dan pengawasan yang diperlukan mereka.

Puji anak anda

Jangan kedekut untuk memberi pujian apabila anak melakukan sesuatu yang baik seperti mengemas katil sendiri atau berkelakuan baik semasa bersiar-siar bersama. Lebih penting lagi, pastikan pujian itu jujur dan tulus ikhlas.

Berbincang dengan ibu bapa lain

Jangan malu untuk mendapatkan petua atau bertukar-



tukar pandangan dengan ibu bapa lain. Kelas pengasuhan, seminar atau buku panduan boleh membantu ibu bapa menangani tuntutan dan cabaran sebagai ibu bapa dengan lebih baik.

Ibu bapa juga boleh berunding dengan pakar psikitari kanak-kanak untuk mengenali lebih lanjut mengenai anak.